

Persediaan hadapi bencana diperkemas

UTUSAN MALAYSIA

27/10/16

PENDANG 26 Okt. - Semua jabatan dan agensi agromakanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di seluruh negara diminta mematuhi Pelan Tindakan Bencana bagi membantu persiapan menghadapi bencana termasuk banjir.

Agensi-agensi terlibat termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan serta Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI).

Kementerian Pertanian dan Industri Asas dalam satu kenyataan berkata, setiap pegawai dan kakitangan yang terlibat sebagai barisan hadapan menghadapi situasi bencana dinasihatkan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Pihak kementerian telah menganal pasti empat fasa yang setiap daripadanya mempunyai pelan dan tindak balas terperinci untuk mengukuhkan tahap siap siaga bagi menghadapi bencana banjir.

"Dalam fasa prabanjir, semua pihak diminta memberi fokus kepada aktiviti menyelaraskan langkah persediaan dalam menghadapi bencana tersebut termasuk mengaktifkan jawatankuasa dan pasukan tindakan kecemasan di semua peringkat.

"Selain itu, bilik gerakan dan mengemas kini maklumat kawasan seperti aktiviti, jentera, mangsa dan pusat pemindahan, serta memantau ramalan kaji cuaca dan membuat hebahan berkala," katanya di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, tumpuan kepada aktiviti menyelamat dan mengurangkan kerugian akibat bencana tersebut perlu dilaksanakan apabila memasuki fasa paras air berpotensi mencetuskan banjir.

"Dalam fasa banjir, pula semua pihak diminta menumpukan kepada usaha sokongan misi kemanusiaan termasuk dari segi pembekalan makanan, logistik dan perkhidmatan dan memastikan kebajikan mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan.